

20 JAN 2000

MTUC-CPF

MTUC MAHU ISU CPF DIKELUARKAN DRP PAKEJ LIMA ISU MALAYSIA-SINGAPURA

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) hari ini meminta agar isu pengeluaran simpanan wang pekerja Malaysia daripada Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) Singapura dikeluarkan daripada pakej lima isu dua hala yang sedang dibincangkan oleh pemimpin kedua-dua negara.

Presiden MTUC Senator Zainal Rampak berkata isu CPF perlu dibincangkan secara berasingan kerana ia bukan isu politik tetapi soal kebajikan pekerja Malaysia yang pernah berkhidmat di republik itu.

Bercakap kepada pemberita selepas menyerahkan surat untuk Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong mengenai isu itu kepada Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Singapura di Malaysia Chin Hock Seng di pejabat suruhanjaya itu di sini, beliau berkata isu CPF telah tertangguh terlalu lama dan perlu diselesaikan secepat mungkin.

"Jika isu CPF dibincangkan secara pakej maka sudah tentu ianya tidak dapat diselesaikan dalam tempoh terdekat," katanya sambil menambah kata bahawa surat yang serupa juga dialamatkan kepada Menteri Kewangan Singapura Richard Hu.

Zainal berkata MTUC juga akan menghantar surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta agar isu CPF dibincangkan secara berasingan. Salinan surat juga akan dihantar kepada Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin dan Menteri Sumber Manusia Datuk Fong Chan Onn.

Pada 17 Dis 1998, Dr Mahathir dan Goh bersetuju agar lima isu yang menjejaskan hubungan dua hala kedua-dua negara dibincangkan secara pakej untuk mencari jalan penyelesaian.

Isu-isu itu ialah kemudahan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Malaysia di stesen kereta api Tanjung Pagar di Singapura, permintaan Singapura agar diadakan perjanjian baru mengenai bekalan air, penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura dan permintaan Malaysia supaya rakyatnya di Semenanjung dibenar mengeluarkan wang simpanan mereka daripada CPF Singapura.

Zainal berkata MTUC menerima banyak aduan serta rayuan daripada pekerja Malaysia dari Semenanjung yang pernah berkhidmat di Singapura mengenai masalah mereka mengeluarkan wang simpanan daripada CPF untuk membeli rumah, perbelanjaan perubatan serta perbelanjaan setelah bersara.

Katanya beliau telah dimaklumkan oleh Chin bahawa undang-undang Singapura menetapkan bahawa rakyat Malaysia dari Semenanjung hanya boleh mengeluarkan simpanan CPF mereka setelah mencapai usia 50 tahun dan dua tahun berturut-turut tidak lagi bekerja di Singapura selepas mencapai umur itu.

Tetapi yang anihnya, pekerja Malaysia dari Sabah dan Sarawak boleh mengeluarkan simpanan CPF mereka apabila tamat perkhidmatan dan meninggalkan Singapura, kata beliau.

Zainal berkata dalam pertemuan itu beliau juga dimaklumkan bahawa bermula Ogos tahun lepas semua pekerja asing di Singapura tidak lagi diwajibkan mencarum kepada CPF.

Beliau berkata sekurang-kurangnya 60,000 pekerja dari Semenanjung yang berhenti bekerja di Singapura terpaksa menunggu sehingga mereka berusia lebih 50 tahun sebelum dapat mengeluarkan simpanan CPF yang dianggarkan berjumlah RM3 bilion.

Mengenai sama ada MTUC akan membawa isu ini ke pengetahuan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), Zainal berkata kesatuan berharap ianya dapat

diselesaikan dengan semangat setiakawan Asean.

"Soal membawa isu CPF ke pengetahuan ILO hanya merupakan jalan terakhir," katanya.

-- BERNAMA

AKT LAT